

18/11/1997

PM yakin ekonomi negara mampu pulih lebih cepat

GOERGETOWN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin ekonomi Malaysia dapat pulih lebih cepat daripada negara jiran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan kejayaan itu hanya akan dicapai jika rakyat, kerajaan dan swasta berdisiplin serta berganding bahu untuk membebaskan negara daripada krisis yang dihadapi sekarang.

"Saya yakin pakatan bersama rakyat, kerajaan dan swasta dapat mencari satu pendekatan yang akan membolehkan kita mengatasi masalah yang dihadapi ini.

"Saya yakin, selagi rakyat Malaysia bertanggungjawab, tidak panik dan tidak membuat sesuatu yang akan merugikan negara, kita akan pulih dalam masa yang singkat," katanya ketika berucap kepada pemimpin Barisan Nasional (BN) dan tokoh korporat Pulau Pinang di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat supaya bertenang sementara waktu dan memberi peluang kepada kerajaan untuk melaksanakan pendekatan yang sesuai.

"Jika ada sesuatu yang dibuat kerajaan tetapi difikir tidak sesuai untuk pembangunan ekonomi, sila berhubung dengan kerajaan melalui pelbagai saluran yang disediakan.

"Kemudian tunjuk di mana kesalahan itu supaya kita dapat membetulkannya bersama. Hari ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, memberitahu mengenai masalah kekurangan pekerja.

"Kita akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu. Kerajaan Malaysia mahu sektor perniagaan dan kerajaan maju bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau terharu dengan sokongan rakyat di seluruh negara dan mengucapkan terima kasih kerana mereka tidak bertindak secara terburu-buru.

"Saya yakin kita akan mengatasi krisis ini kerana kerajaan akan bertindak secara rasional mengikut satu pelan yang dibuat bersama untuk menghadapi masalah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, krisis ekonomi serantau juga mengakibatkan perdagangan Malaysia dengan negara jiran berkurangan.

"Kita hanya boleh berdagang dengan negara yang mempunyai kuasa beli. Sekarang kita tidak boleh menjual barang kita kepada Indonesia, Thailand dan Filipina kerana mereka tidak mempunyai wang untuk membeli.

"Oleh itu, adalah salah untuk berkata Malaysia tidak kena teruk, kerana apa guna kita selamat dan tidak dapat mengeksport barang kepada jiran yang menjadi miskin.

"Australia sudah mula merasai bahang daripada krisis ekonomi Asia Tenggara, kerana kita tidak dapat mengimport daripada mereka. Ini bukan sengaja, tetapi kita tidak mempunyai wang.

"Akhirnya seluruh dunia akan merasai kesannya, tetapi yang menang hanya penyanggak mata wang," katanya.

(END)